

## **KESEDIAAN DAN KESEDARAN MASYARAKAT MELAYU PINGGIR BANDAR TERHADAP TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA**

Adlina Binti Abdul Khalil, Nur Hidayu Binti Jaafar  
*Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah (UniSHAMS)*  
[adlina@unishams.edu.my](mailto:adlina@unishams.edu.my)

Rosfazila Binti Abd Rahman  
*Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)*  
[rosfazila@kuis.edu.my](mailto:rosfazila@kuis.edu.my)

### **ABSTRAK**

Perubahan dalam pendidikan negara adalah penting untuk membentuk masyarakat yang mampu berdaya saing di arena antarabangsa. Bagi melahirkan golongan yang hebat dalam penguasaan teknologi, ekonomi, pengurusan dan pelbagai ilmu lain, rakyat Malaysia seharusnya tidak memandang remeh terhadap kepentingan pendidikan rendah sehinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Tujuan kajian ini dibuat untuk melihat kesediaan dan kesedaran masyarakat Melayu pinggir bandar di dua daerah di Kedah iaitu di daerah Pendang dan Baling terhadap transformasi yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Keistimewaan bangsa Melayu boleh dilihat dalam konteks 'ketuanan Melayu'. Mereka merupakan masyarakat yang menjadi kelompok majoriti dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Masyarakat Melayu perlu rancak merancang pembangunan diri dalam sistem pendidikan, politik dan juga ekonomi agar tidak ketinggalan dengan kaum-kaum lain. Fokus kajian adalah golongan pelajar Melayu yang sedang mengikuti pengajian di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Tujuan kajian dibuat adalah untuk melihat bagaimana masyarakat Melayu menongkah arus perkembangan Revolusi Industri 4.0. Dalam kajian ini akan dilihat aspek-aspek yang mempengaruhi kesediaan dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan pada masa kini. Kepatuhan terhadap disiplin di sekolah, faktor ekonomi dan latar belakang pendidikan keluarga. Dapatan kajian menunjukkan para pelajar mengelak daripada terlibat dengan masalah disiplin supaya mereka dapat mengekalkan pencapaian dan kecemerlangan akademik. Manakala senario ekonomi dan latar belakang pendidikan keluarga bukanlah menjadi halangan besar bagi sebahagian responden dalam memastikan anak-anak mereka berjaya dalam pengajian.

**Kata kunci:** Masyarakat Melayu, pinggir bandar, transformasi, pendidikan

### **Pengenalan**

Masyarakat Melayu adalah kelompok utama di Malaysia. Mereka adalah dari kelompok Melayu Proto, Melayu Deutro dan Melayu moden. Perkara ini boleh dilihat dalam aspek perkongsian bahasa, budaya dan agama yang sama. Cara lain untuk mengenalpasti golongan Melayu adalah melalui asal-usul kedatangan dan dialek yang digunakan seharian. Maka atas faktor ini, terdapat pelbagai kelompok Melayu merangkumi Melayu Riau, Melayu Minangkabau, Melayu Champa,

Melayu Kedah, Melayu Kelantan dan sebagainya. Mereka kebiasaannya menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dalam komunikasi dan interaksi. Melayu Proto adalah kumpulan Melayu yang berhijrah dari Yunan dan selebihnya adalah dalam kalangan orang asli seperti Negrito, Semang, Senoi, Temiang, Jakun, Orang Laut dan orang Sungei (Zahari, 2016).

Dalam aspek cara hidup, golongan Melayu Proto menjalankan pelbagai aktiviti demi kelangsungan hidup. Mereka menjadi pelayar dan mahir dalam teknologi perlautan. Mereka turut dikategori sebagai kelompok pertama berketurunan Melayu. Manakala Melayu Deutro ataupun dikenali sebagai Melayu tua pula adalah kelompok kedua berketurunan Melayu yang terdapat di Lembah Mekong dan Champa pada masa dahulu. Berdasarkan kepada Asmah Haji Omar (2005), orang Melayu dikategorikan sebagai kelompok Austronesia dan orang Melayu tinggal di semenanjung Tanah Melayu.

Pembinaan negara bangsa sebenarnya lebih bersandarkan kepada sistem pendidikan formal. Sepertimana pembentukan Dasar Pendidikan Negara ia umpama penunjuk arah untuk melahirkan masyarakat yang berilmu dan kaya dengan nilai-nilai murni yang penting dalam kehidupan seorang insan. Laporan Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi tunjang dalam mereformasikan sistem pendidikan Inggeris kepada sistem pendidikan kebangsaan dan diperkukuhkan secara perundangan melalui Akta Pendidikan 1961. Pendidikan dilihat sebagai agen untuk pembasmian buta huruf, membina modal insan, membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Daripada aspek sosiologi pendidikan, ia menekankan keperluan meneruskan pewarisan sesuatu generasi kepada generasi seterusnya. Institusi sekolah umpamanya bermatlamat menghasilkan masyarakat berilmu dan pendidikan perlu untuk melonjakkan taraf hidup masyarakat (Maimunah & Abdul Rasid, 2011)

Falsafah pendidikan yang tersirat dalam era 1960-an dan 1970-an ialah pragmatisme, iaitu pendidikan di sekolah dan pendidikan tinggi adalah untuk memenuhi keperluan kemajuan dan pembangunan sosial dan ekonomi dalam konteks negara bangsa yang demokratis, bersatu padu dan terpelajar ( Dzulkifli & Rosnani, 2019). Seterusnya, dalam era 1980-an, kurikulum pendidikan formal daripada fokus-akademik telah diubah kepada fokus-integrasi, iaitu integrasi antara mata pelajaran. Konsep pembelajaran masteri dan konsep pembelajaran berfokus-murid dilaksanakan, iaitu tiada lagi pembelajaran berpusat-guru, berpusatkan akademik dan hafalan (Dzulkifli & Rosnani, 2019).

Menyusuri era 1980-an pelaksanaan KBSR-KBSM telah membentuk satu gagasan pemikiran dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Manakalan sekitar tahun 1996 Akta Pendidikan telah menggariskan orientasi baharu iaitu penguasaan pelbagai bidang ilmu melalui *Information and Communication Technology* (ICT) selari dengan perubahan globalisasi. Dalam era transformasi pula, kurikulum sekolah telah disemak dan disetarakan serta berubah mulai tahun 2011 bagi KSSR dan tahun 2017 bagi KBSM. Jika dilihat proses perancangan pendidikan negara, kelihatan ianya selari dengan peredaran zaman dan permintaan semasa. Justeru adakah masyarakat Melayu pinggir bandar dapat menyahut proses transformasi ini? Makanya dalam kajian ini segala persoalan akan terungkai melalui perkongsian dari ibu bapa mengenai wawasan dan perancangan pendidikan terhadap anak-anak generasi masa hadapan ini.

### **Objektif Kajian**

1. Untuk mengkaji faktor-faktor pendorong kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan pelajar-pelajar Melayu pinggir bandar.
2. Untuk melihat masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu bapa dalam memberi pendidikan terbaik buat anak-anak.
3. Untuk melihat perancangan ibu bapa terhadap pendidikan dalam kalangan pelajar Melayu.
4. Untuk mengkaji harapan ibu bapa terhadap sistem pendidikan negara.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini tertumpu dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah di dua daerah iaitu daerah Pendang dan daerah Baling. Dari segi aspek pemilihan responden, mereka dipilih dalam kalangan keluarga berpendapatan sederhana dan tinggi untuk melihat perbezaan pandangan terutama sekali dalam aspek ekonomi keluarga dan kesan terhadap pendidikan anak-anak. Memandangkan kajian ini hanya melibatkan temu bual, maka hanya 12 responden dipilih. Bagi kategori jantina, tidak dikhususkan kepada jantina tertentu untuk melihat perbezaan tahap kesedaran ibu dan bapa dalam pembelajaran anak-anak.

### **Sorotan Literatur**

Bab ini akan mengupas dengan mendalam tentang kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Sorotan kajian yang dijelaskan meliputi penyelidikan dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini dan sorotan kajian ini juga dapat menguatkan kepentingan kajian yang dijalankan.

Nik Noraini Raja Abdullah & Noor Hisham Md Nawi (2018) telah membuat kajian berkaitan Kesediaan untuk Berubah dalam kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Kelantan. Beliau menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sampel dipilih secara rawak. Terdapat 6 dimensi yang menjadi tunjang kepada kajian ini untuk melihat kesediaan para guru antaranya kewajaran berubah, sokongan pengurusan, efikasi, valens personal, diskrepansi, dan komunikasi). Hasil kajian mendapati guru mempunyai tahap kesediaan untuk berubah yang tinggi. Min bagi dimensi luaran iaitu sokongan pengurusan dan komunikasi kesediaan berubah lebih tinggi berbanding min bagi dimensi faktor dalaman seperti valens personal dan efikasi. Kajian turut memperlihatkan guru-guru sedia berubah jika faktor luaran dapat dipenuhi. Kesediaan untuk berubah juga didapati berbeza mengikut tempoh berkhidmat dan juga jantina. Hal ini kerana kajian ini menunjukkan tahap kesediaan untuk berubah bagi guru lelaki adalah tinggi berbanding guru perempuan terutama bagi dimensi kewajaran untuk berubah dan dimensi sokongan pengurusan. Hasil kajian turut mendapati guru-guru baharu mempunyai tahap kesedaran untuk berubah yang sangat tinggi berbanding guru-guru lama terutama dari segi diskrepansi, sokongan pengurusan dan komunikasi. Justeru itu, tahap kesediaan sesuatu kelompok masyarakat terhadap perubahan yang berlaku dari pelbagai aspek turut dipengaruhi oleh dimensi

tertentu. Oleh hal demikian, kertas kerja ini akan melihat tahap kesediaan golongan masyarakat yang lain dari guru yakni ibu bapa dalam mengikuti arus permodenan pendidikan di Negara ini.

Seterusnya kajian lain yang turut dilakukan oleh Azhar Harun, Abdul Ghani Sani, Indra Shahri Sayuti & Kasmah Abdullah (2018) juga berkaitan dengan para guru. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kesediaan amalan kepimpinan mengikut Pelan Pendidikan dan faktor-faktor yang menyokong kepada amalan kepimpinan guru sekolah rendah di Sabah. Kaedah soal selidik digunakan bagi mendapatkan data kuantitatif dan kaedah temu bual bagi mendapatkan data kualitatif. Responden kajian terdiri daripada 30 orang responden dari kalangan guru di sebuah sekolah dibawah program Transformasi Sekolah 2025 (TS25). Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa tahap kesediaan kepimpinan guru adalah tinggi. Walau bagaimanapun, berdasarkan persepsi responden menunjukkan hanya sebilangan elemen sikap, kepercayaan dan nilai yang selari dengan kesediaan amalan kepimpinan guru. Selain itu kajian ini menunjukkan terdapat lima faktor yang mempengaruhi kepada tahap kesediaan kepimpinan guru mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan antaranya fokus perkembangan, autonomi, kejelekitan, penglibatan dan komunikasi terbuka.

Hal ini memperlihatkan perubahan sesuatu perkara adalah berdasarkan beberapa faktor yang mendorong. Oleh hal demikian, kajian yang bakal dijalankan turut ingin mengkaji apakah faktor yang mendorong kepada kesediaan dan kesedaran masyarakat terhadap perubahan dalam arena pendidikan. Dunia pendidikan yang berkembang pesat ini telah membawa banyak perubahan. Menurut Armenakis & Bedeian (1996) reaksi seseorang akibat perubahan boleh menjadi negatif mahupun positif. Maka dengan itu, kajian yang bakal dijalankan akan mengupas dengan lebih lanjut kesediaan masyarakat terhadap transformasi pendidikan Negara.

Kajian ini turut menyoroti kajian terdahulu yang dilakukan oleh Norlaila Che Murat, Rosseni Din & Mohammed Huzaimi Alias (2020) berkaitan Kesediaan Pelajar Tingkatan 6 Menggunakan Aplikasi Mudah alih Pendidikan. Kajian dilakukan adalah untuk melihat dan mengenal pasti kesediaan pelajar Tingkatan Enam menggunakan aplikasi mudah alih subjek Pengajian Am dalam pembelajaran secara sendiri. Kajian ingin melihat apakah faktor yang mendorong pelajar menggunakan media pengajaran dalam aplikasi mudah alih. Kaedah soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan data dan 78 orang pelajar telah diambil sebagai sampel kajian di sebuah sekolah di Perak. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 23.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi mudah alih berpontensi digunakan dalam pembelajaran sendiri pelajar. Kebanyakan pelajar hari ini mempunyai telefon pintar dan ini merupakan peluang yang baik untuk setiap institusi meningkatkan keberkesanan pembelajaran melalui pendidikan mudah alih (Mohamed Amin, Norazah & Ebrahim 2013).

Dapatan menunjukkan semua pelajar memiliki peranti pintar sebagai alat capaian pembelajaran mudah alih dan kebanyakkan dalam kalangan mereka mempunyai kemahiran serta pengalaman memuat turun aplikasi mudah alih ke peranti pintar mereka. Koole (2009) menyatakan untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran mudah alih yang efektif peranti mudah alih merupakan salah satu aspek yang penting selain sosial, sendiri dan peranti. Ekoran daripada kajian ini, kajian yang bakal dilakukan akan melihat lompong kosong yang ada pada kajian terdahulu seperti apakah cabaran yang bakal dihadapi oleh pelajar jika tidak dapat menguasai sepenuhnya penggunaan alat peranti mudah alih sejajar dengan perubahan pemodenan transformasi pendidikan Negara mengikut Revolusi 4.0.

Dalam meniti arus kemodenan kini, kemajuan teknologi membawa impak perubahan dalam kehidupan masyarakat hari ini. Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod (2018) telah membuat kajian berkaitan Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Tingkatan 4 terhadap Penggunaan Pembelajaran Persekitaran Maya Vle Frog dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan terhadap responden yang terdiri daripada 240 orang pelajar tingkatan 4 dari empat buah sekolah di sekitar Tawau, Sabah. Data dikutip menggunakan instrumen soal selidik dengan lima skala Likert. Statistik deskriptif digunakan bagi melihat analisis min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan dan data turut dianalisis menggunakan program SPSS 22.0. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan pelajar menggunakan VLE Frog adalah pada tahap yang tinggi dengan melihat kepada min pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap penggunaan alatan teknologi dalam pembelajaran. Dapatan ini memperlihatkan bahawa pelajar pada era ini mempunyai minat yang tinggi dalam penggunaan VLE Frog dalam PdPc.

Penggunaan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran sememangnya meningkatkan minat mereka untuk memahami setiap intipati yang diajar terutamanya dalam subjek bahasa Melayu. Sejalan dengan arus perubahan pembelajaran ketika ini menunjukkan bahawa pengintegrasian teknologi maklumat dalam pembelajaran boleh memberikan kelebihan iaitu bahan pengajaran boleh dicapai pada bila-bila masa dan dimana sahaja (Alessi & Trollip (2001). Ia juga boleh dirangkaikan dengan pelbagai sumber pembelajaran lain di seluruh dunia. Hal ini juga memudahkan pengurusan dan pengemaskinian bahan pembelajaran menjadi mudah, cepat dan sistematik serta pelbagai bentuk komunikasi boleh digunakan oleh guru dan pelajar. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melihat bagaimana kesediaan para ibu bapa dalam menghadapi cabaran perubahan cara pembelajaran sejajar dengan transformasi pendidikan Negara pada masa kini. Oleh hal demikian, kajian terperinci berkaitan kesediaan dan kesedaran ibu bapa terhadap perubahan pembelajaran anak-anak juga akan dibincangkan dalam kajian yang bakal dilaksanakan.

Dalam kajian lain yang dilakukan oleh Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu (2013) berkaitan Peranan Teknologi Maklumat terhadap Peningkatan Motivasi Pembelajaran di Kalangan Pelajar Universiti. Kaedah penyelidikan adalah secara deskriptif dan instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data adalah dengan mengedarkan borang soal selidik dan temu bual. Persampelan stratifikasi telah digunakan untuk memilih pelajar dari jurusan TESL, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Pendidikan Sains dan Matematik dalam Fakulti Pendidikan, UiTM. Dapatan kajian memperlihatkan setiap pelajar menunjukkan sikap positif terhadap teknologi maklumat walaupun tidak semua pelajar menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, majoriti daripada pelajar menggemari teknologi maklumat dan komunikasi digunakan oleh pensyarah sebagai medium menyampaikan ilmu pengetahuan.

Rentetan daripada itu, hampir keseluruhan reponden bersetuju bahawa teknologi maklumat dalam pembelajaran dapat meningkatkan motivasi untuk belajar selain ia dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Rumusan daripadan dapatan kajian ini dapat membantu universiti untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas berkaitan kesediaan pelajar dan motivasi mereka terhadap pengintegrasian teknologi maklumat dalam pendidikan dan membolehkan pihak institusi untuk mengolah strategi yang sesuai bagi meningkatkan prestasi pembelajaran dan pengajaran di peringkat institusi pengajian tinggi dengan lebih cemerlang.

Sejalan dengan kajian Cox, Preston & Cox (1999) telah menunjukkan impak positif teknologi dengan meningkatkan motivasi dan komitmen pelajar untuk belajar. Oleh hal demikian, kesedaran terhadap kepentingan teknologi maklumat telah mendorong kepada perkembangan konsep-konsep baru dalam pendidikan seperti *on-line learning*, *e-learning*, *virtual learning* dan

sebagainya telah mula diperkenalkan. Oleh itu, kajian selanjutnya akan melihat bagaimana persediaan masyarakat dalam menghadapi perkembangan permodenan arus pembelajaran negara seiring dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2015 dan Revolusi 4.0 yang kian pesat membangun.

Kajian yang dilakukan Nur Syazwani Abdul Talib, Mohd Mahzan Awang, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff (2019) berkaitan Penggunaan Multimedia dalam Mata Pelajaran Sejarah. Mata pelajaran sejarah sering kali dikaitkan dengan mata pelajaran yang membosankan dan kurang diminati pelajar walaupun mata pelajaran sejarah merupakan subjek yang wajib untuk lulus. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penggunaan multimedia dalam mata pelajaran Sejarah dan hubungannya dengan minat belajar Sejarah. Kajian telah dilakukan di Mukah, Sarawak dengan responden seramai 60 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat. Instrumen yang digunakan adalah borang kajian soal selidik yang emngandungi enam bahagian. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 20.0 untuk menjalankan *t-test* dan ANOVA.

Kajian mendapati penggunaan sumber adalah pada tahap sederhana. Selain itu, analisis inferensi mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dan etnik dari segi penggunaan sumber dalam mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan terdapat perbezaan signifikan peggunaan sumber dalam mata pelajaran Sejarah berdasarkan tahap pencapaian akademik pelajar. Dapatan kajian melihat bahawa melalui multimedia akan memupuk minat belajar sejarah melalui medium video, animasi, audio dan dapat berhubung melalui laman sosial. Hal ini akan memberi keseronokan pada para pelajar semasa sesi pembelajaran dan pengajaran. Multimedia mampu mempersembahkan maklumat dengan lebih baik dan berkesan berbanding media lain seperti buku atau radio (Mahanom mat Sam & Rohaida Mohd. Saat, 2008).

Namun kajian ini tidak melihat apakah cabaran lain yang dihadapi jika multimedia menjadi medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat pendidikan terutama di luar bandar. Oleh hal demikian, kajian yang bakal dijalankan akan melihat pelbagai faktor yang menyumbang kepada tahap kesediaan para masyarakat terutama ibu bapa terhadap transformasi pendidikan Negara.

### **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik hanya menggunakan kaedah temu bual dengan responden. Kaji selidik ini telah dijalankan ke atas 12 orang responden yang berasal dari dua daerah iaitu daerah Pendang dan daerah Baling, enam orang responden adalah perempuan dan enam orang lagi adalah lelaki. Temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang penyelidik menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respon dari responden (Noraini, 2013).

Dalam kajian ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian A adalah latar belakang responden. Bahagian B adalah maklumat berkaitan kesediaan dan kesedaran masyarakat atau responden terhadap kepentingan pendidikan pada masa kini. Seterusnya adalah bahagian C di mana soalan adalah berkisar kepada disiplin anak-anak mereka. Persoalan berkaitan turut dimasukkan dalam soalan temu bual kerana, melalui disiplin pelajar akan cenderung untuk ke sekolah, sikap berdisiplin pula akan menjadikan sseorang pelajar itu sentiasa peka terhadap pembelajaran dan memberi fokus kepada pengajaran guru. Di bahagian terakhir adalah bahagian D. Soalan-soalan yang dikemukakan di bahagian ini adalah berkaitan ekonomi dan harapan responden terhadap masa depan pendidikan di Malaysia. Soalan berkaitan ekonomi keluarga

dikemukakan kerana ia dapat memberi kesan terhadap pendidikan anak-anak. Manakala harapan ibu bapa kepada sistem pendidikan sekadar untuk mengenalpasti kepekaan ibu bapa terhadap sistem pendidikan di Malaysia .

Kahn dan Cannell (1957) menjelaskan temu bual sebagai `perbuatan yang mempunyai tujuan tertentu'. Manakala Zelditch (1962) mendefinisikan temu bual sebagai satu cara untuk pengumpulan data yang amat efisien dan melibatkan interaksi sosial bagi mendapatkan data yang mencukupi daripada responden. Kdushin (1993) pula menjelaskan temu bual bermaksud perbualan yang mempunyai matlamat (Ghazali & Sufean, 2016).

Manakala jenis soalan yang diajukan adalah berbentuk temu bual berstruktur. Jumlah soalan-soalan temu bual yang akan ditanya adalah sama kepada semua informan atau partisipan tanpa melibatkan pengurangan atau penambahan soalan. Semua soalan yang ditanya dibina secara spesifik yang disusun mengikut susunan tertentu adalah merujuk kepada temu bual berstruktur (Ghazali & Sufean, 2016). Ini bermakna, peserta digalakkan menceritakan tentang diri sendiri berdasarkan beberapa soalan yang telah disediakan. Pengkaji menghubungi terlebih dahulu responden sebelum sesi temu bual dilakukan.

JADUAL 1: Demografi Responden

Responden	Jantina	Tahap Pendidikan	Pekerjaan
R1	P	SPM	Pencuci pejabat
R2	P	SPM	Peniaga
R3	L	SPM	Petani
R4	P	SPM	Pencuci pejabat
R5	L	UPSR	Petani
R6	L	Ijazah	Guru
R7	P	SRP	Suri rumah
R8	P	SPM	Pencuci pejabat
R9	p	SPM	Pencuci pejabat
R10	L	SPM	Petani
R11	L	Ijazah	Guru
R12	P	SPM	Pencuci pejabat

Sumber: Temu bual 2020

### Dapatan Kajian

Dari aspek kesediaan dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pendidikan didapati semua responden amat mengambil berat perkembangan pendidikan anak-anak. Mereka akan memastikan anak-anak mendapat pendidikan sekurang-kurangnya di peringkat sekolah menengah. Atas dasar untuk mengelak anak-anak menjadi buta huruf, menganggur dan menjadi miskin maka pendidikan menjadi keutamaan mereka.

JADUAL 2: Kesediaan dan Kesedaran Masyarakat

Responden	Kesediaan dan Kesedaran Masyarakat terhadap Pendidikan
R1	Saya merasakan pendidikan penting pada zaman sekarang untuk mengubah kehidupan yang lebih baik.

- R2 Saya menggalakkan anak-anak terus belajar supaya dapat mengubah keadaan hidup kami yang Miskin.
- R3 Saya bersetuju dengan pandangan R1 namun kadang-kadang saya menghadapi masalah kewangan untuk membiayai pengajian mereka.
- R4 Saya mahu anak berjaya hingga ke menara gading.
- R5 Saya memperuntukkan sumber kewangan yang besar kepada anak-anak kerana mahu mereka belajar hingga ke menara gading.
- R6 Semasa belajar anak-anak akan mendapat ilmu baru, nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia.
- R7 Saya mahu anak-anak berjaya di dunia dan akhirat, sebab itulah mereka perlu menuntut ilmu.
- R8 Dengan belajar, anak-anak saya dapat membantu membangunkan negara.
- R9 Malaysia memerlukan masyarakat yang berilmu untuk membina negara, jadi saya akan pastikan anak-anak sentiasa ke sekolah.
- R10 Anak-anak adalah permata yang bernilai, jika tidak diberikan pendidikan yang sebaik mungkin mereka tidak dapat berbakti kepada ibu bapa.
- R11 Pendidikan akan dapat mengekang masalah sosial, sebabnya guru-guru sentiasa menanam amalan-amalan murni
- R12 Apabila anak-anak mendapat pendidikan yang baik, maka mudah dapat kerja dan sekaligus dapat bantu keluarga.

---

Sumber: Temu bual 2020

Dalam konteks disiplin pula, majoriti responden memahami bahawa ia berkaitan dengan undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap individu. Bagi ibu bapa, peraturan perlu diwujudkan kerana ia boleh dijadikan sebagai garis panduan untuk membezakan baik dan buruk sesuatu perilaku. Sepertimana jawapan yang diberikan oleh responden...”Peraturan perlu diwujudkan supaya pelajar tahu disiplin. Jika anak saya terlibat dengan masalah disiplin saya akan bertemu dengan guru kaunseling...tapi setakat ini anak saya tidak pernah terlibat dengan masalah disiplin”.” Pelajar akan lebih patuh pada arahan sekiranya peraturan dibentuk...saya akan menghukum anak-anak seperti merotan jika mereka terlibat dengan kesalahan disiplin di sekolah”.

Selain itu ada responden yang memaklumkan bahawa anak-anak akan terpelihara peribadi jika sekolah meletakkan peraturan. “ Anak saya takut kepada hukuman yang akan dikenakan oleh guru disiplin...maka dia patuhlah pada peraturan yang dikeluarkan oleh sekolah...jika anak saya terlibat dengan masalah disiplin, saya akan cuba bertanya dengan cara baik”. Ada juga responden yang menggunakan teknik menasihati sebagai cara penyelesaian jika anak terlibat dalam masalah disiplin. “ Peraturan perlu ada di sekolah, ia sangat penting...tapi kalau anak saya terlibat dengan masalah disiplin, saya akan memanggil dan bertanyakan kepadanya kenapa bertingka-laku sedemikian”.



Kestabilan ekonomi sangat penting dalam kehidupan setiap individu. Bagi individu yang sudah berkeluarga, mereka perlu memastikan ekonomi keluarga dalam keadaan baik supaya tidak berlaku konflik. Perbelanjaan berhemah perlu wujud agar tidak berlaku masalah di masa hadapan. Dalam kajian ini, setiap responden diberikan pilihan untuk memilih kedudukan antara makanan, pakaian dan perbelanjaan sekolah yang manakah paling utama. Hampir 10 orang responden meletakkan makanan yang perlu diutamakan dalam perbelanjaan dan diikuti dengan sekolah dan terakhir adalah tempat tinggal. Ada yang menyatakan...

“ Kalau berkaitan tempat tinggal, kita boleh aja tinggal kat pondok-pondok kecil saja sebab anak tak ramai, dua orang ja..tapi kalau tak ada perbelanjaan untuk persekolahan, anak-anak akan ketinggalan...Saya tidak begitu tertekan untuk memikirkan perbelanjaan keluarga”.

Namun situasi berbeza bagi yang mempunyai ramai anak. “ Saya perlu letakkan perbelanjaan yang besar untuk makanan dan rumah yang selesa sebab anak ramai...kalau perbelanjaan untuk sekolah saya simpan sikit-sikit...lagipun ada bantuan dari pihak sekolah seperti sediakan makan pagi untuk pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.. kalau tidak cukup juga pinjam pada mak atau ayah”. Walau bagaimanapun, terdapat dua orang responden yang meletakkan perbelanjaan persekolahan sebagai yang utama kerana kedudukan ekonomi yang agak stabil walaupun bekerja sebagai petani. “ Anak tak ramai, hanya dua orang ja...sawah pun banyak untuk diusahakan, jadi saya nak anak fokus pada pelajaran supaya mereka boleh bekerja makan gaji bukannya mewarisi kerja seperti saya”. “ Ilmu adalah penting untuk menjamin pekerjaan yang stabil. Saya tak kisah untuk belanja besar dalam pelajaran, pendapatan saya tidak stabil dan kami sekeluarga ikat perut pun tak apa asalkan keperluan pembelajaran anak-anak tidak terabai”. Begitulah jawapan yang diberikan oleh responden kedua.

Terdapat variasi jawapan yang diterima bagi responden yang menghadapi masalah kewangan, ada yang menyatakan bahawa mereka akan meminjam kepada ibu bapa ataupun saudara mara terlebih dahulu sebelum meminjam kepada kawan-kawan. Namun ada juga yang mempunyai alternatif lain untuk meminjam wang selain dariada orang terdekat. Sumber lain yang boleh mereka adukan masalah kewangan adalah kepada ADUN kawasan tempat tinggal mereka.

Pendidikan di Malaysia adalah sebagai usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Masyarakat yang berilmu akan tampil dengan personaliti akhlak yang mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan seterusnya akan menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Menjawab persoalan harapan ibu bapa terhadap sekolah dan sistem persekolahan di Malaysia, dalam kajian ini respon-respon yang diberikan dilihat begitu asli datang dari nurani responden. Antara harapan yang dilontarkan adalah kemudahan pendidikan percuma di semua peringkat pengajian dilaksanakan. Menyediakan kemudahan pinjaman pengajian kepada semua pelajar yang berasal dari luar bandar. Melihat peluang meningkatkan pengetahuan pelajar dalam subjek-subjek tertentu seperti Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Banyakkan program-program yang merancang masa depan anak-anak. Kekadang anak-anak pelajar ini mempunyai cita-cita tinggi namun tidak tahu bagaimana untuk merancang pembelajaran mereka. Di samping itu, kemudahan fasiliti seperti perpustakaan dan makmal komputer yang disediakan oleh kementerian dilihat banyak membantu proses pembelajaran anak-anak. Pantauan dari semasa ke semasa oleh pegawai kementerian amatlah dihargai dan sangat bermanfaat kepada sekolah dan juga para pelajar

### **Cadangan Kajian Masa Hadapan**

Sejak kebelakangan ini begitu banyak kajian berkaitan pendidikan telah dilakukan sama ada kajian berbentuk kualitatif mahupun kuantitatif. Tujuan kajian dibuat adalah untuk membuat penambahbaikan terhadap sistem pendidikan semasa agar ia selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia 'sifar' buta huruf. Pada masa hadapan diharap kajian berkaitan pendidikan pelajar-pelajar Melayu luar bandar dapat dilakukan untuk peringkat pengajian tinggi seperti pengajian pascasiswazah. Melalui kajian akan dapat dilihat minat atau kecenderungan para pelajar ini untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi. Dari sini juga akan dapat dilihat faktor penyumbang kepada proses pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, usaha-usaha boleh dilakukan oleh kementerian untuk memastikan mereka tidak ketinggalan untuk meneruskan pengajian peringkat Master ataupun PhD.

### **Kesimpulan**

Kesedaran masyarakat Melayu pinggir bandar terhadap pendidikan anak-anak perlu dibajai dari semasa ke semasa supaya mereka tidak putus harapan untuk memberi peluang belajar kepada anak-anak. Jika dilihat kepada keperluan semasa, pendidikan adalah alat paling penting untuk menjamin pekerjaan yang stabil bagi setiap individu. Melalui kajian ini, dapat dilihat ramai ibu bapa mempunyai perancangan tersendiri untuk masa depan anak-anak walaupun kedudukan ekonomi tidak begitu stabil. Manakala anak-anak pula sentiasa menjaga peluang yang diberikan oleh ibu bapa dengan tidak melakukan kesalahan-kesalahan disiplin supaya mereka boleh terus belajar di sekolah dan seterusnya mencapai cita-cita. Maka, di sini dapat disimpulkan bahawa, latar belakang pendidikan ibu bapa tidak menjadi penyebab untuk mereka terus memberi motivasi kepada anak-anak untuk terus belajar. Dalam situasi negara sedang menuju kepada sebuah negara maju, maka sikap positif dan nilai yang baik ini sepatutnya wujud dalam diri masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Kemudahan yang disediakan oleh kerajaan diharap akan dapat memberi peluang kepada anak-anak pelajar di luar bandar meneroka ilmu tanpa ada perbezaan dari segi status dan kedudukan.

### **Rujukan**

- Alessi & Trollip. (2001). *Multimedia for Learning*. 3rd Edition. Los Angeles, CA: Pearson Education.
- Armenakis, A. A. & Bedeian, A. G. (1996). Organizational Change: A Review of Theory and Research in the 1990s. *Journal of Management*, 25(3), 293-315.
- Azhar Harun, Abdul Ghani Sani, Indra Shahri Sayuti & Kasmah Abdullah. (2018). Kesiediaan Amalan Kepimpinan Guru di Sebuah Sekolah Rendah di Bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) Zon Sabah. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*.
- Chan Yuen Fook & Gurnam Kaur Sidhu. (2013). Peranan Teknologi Maklumat terhadap Peningkatan Motivasi Pembelajaran di Kalangan Pelajar Universiti. *Seminar Nasional Pengurusan dan Pendidikan ke-12*.
- Cox, M., Preston, C. & Cox, K. (1999). What Motivate Teachers to Use ICT?. *Paper Presented at British Educationan Research Association Annual Conference, University of Succex at Brighton, Septembe ,2-5 1999*.

- Dzulkifli Abd. Razak & Rosnani Hashim. (2019). *Pentafsiran Baharu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelaksanaannya Pasca 2020*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Koole, M. L. (2009). A Model for Framing Mobile Learning. In *Mobile Learning: Transforming the Delivery of Education and Training*. 25-47.
- Mahanom Mat Sam & Rohaida Mohd. Saat. (2008). Penggunaan Teknologi dalam Memperkasakan Pendidikan Sains di Malaysia. (dalam). Nik Azis Nik Pa dan Noraini Idris. *Perjuangan Memperkasakan Pendidikan Di Malaysia: Pengalaman 50 tahun Merdeka*. Kuala Lumpur: Utusan Publicationns & Distributors Sdn Bhd.
- Maimunah Ismail & Abdul Rasid Jamian. (2011). *Pendidikan dan Masyarakat Peranan Institusi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Bokhari, Syed Najmuddin Syed Hassan. (2014). *Pengaruh Latar Belakang Keluarga (SES) dan Personaliti terhadap Pencapaian Akademik Pelajar, Kajian Kes terhadap Pelajar-pelajar Universiti Teknikal Melaka (UTem)*. Durian Tunggal: Penerbit Universiti Teknikal Melaka.
- Nik Noraini Raja Abdullah & Noor Hisham Md Nawawi. (2018). Kesediaan untuk Berubah dalam kalangan Guru Sekolah Rendah di Negeri Kelantan. *INSANIAH: Online Journal Language Communication, and Humanities Volume 1 (2), December 2018*.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan (Ed. Ke-2)*. Shah Alam: McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norlaila Che Murat, Rosseni Din & Mohammed Huzaimi Alias. (2020). Kesediaan Pelajar Tingkatan 6 Menggunakan Aplikasi Mudah Alih Pendidikan. *Journal of Personalized Learning, 3(1) 2020, 79-86*.
- Nur Syazwani Abdul Talib, Mohd Mahzan Awang, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nur Azuki Yusuff. (2019). Penggunaan Multimedia dalam Mata Pelajaran Sejarah. *INSANIAH: Online Journal Language Communication, and Humanities Volume 2 (2), December 2019*.
- Rahim, N. A. (2013). Penggunaan Mobile Learning (m-learning) Untuk Tujaun Pembelajaran dalam Kalangan Ppelajar Kejuteraan UTHM. *Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*.
- Sumarni Lapammu & Zamri Mahamod. (2018). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Pelajar Tingkatan 4 terhadap Penggunaan Pembelajaran Persekitaran Maya Vle Frog dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM (Malay Language Education Journal-MyLE)*.